

30/06/2001

Ekspo Sains dijangka tarik 30,000 pengunjung

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ekspo Sains dan Teknologi 2001 dijangka mampu mewujudkan pakatan strategik antara penyelidik dan pereka cipta dengan pihak industri selain memupuk minat orang ramai dan pelajar terhadap subjek sains.

Ekspo yang bermula esok sehingga 3 Julai ini, diadakan sempena sambutan Jubli Perak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Ia diadakan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (Mint) dan Persatuan Penyelidik Saintis Malaysia (Mars).

Timbalan Ketua Pengarah Mint, Dr Daud Mohamad, berkata pihaknya menjangka ekspo empat hari itu mampu menarik antara 25,000 hingga 30,000 pengunjung.

"Ekspo Sains dan Teknologi 2001 ini turut bertindak sebagai landasan antara pihak industri dengan pereka cipta atau penyelidik tempatan untuk berbincang dan bertukar fikiran selain mencari peluang memasarkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Selain itu, kami mensasarkan golongan muda terutama pelajar untuk mengunjungi ekspo ini supaya meminati sains dan tidak menganggap ia sebagai mata pelajaran susah sebaliknya suatu yang menyeronokkan untuk dipelajari," katanya pada sidang akhbar, hari ini.

Ekspo itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 Julai.

Orang ramai yang berminat mengunjungi pameran itu boleh berbuat demikian pada dua hari pertama pembukaan iaitu pada 30 Jun dan 1 Julai dari pukul 11 pagi hingga 7 malam setiap hari. Masuk adalah percuma. Untuk maklumat lanjut hubungi Melissa Wu di 03-40493580 atau fax di 03-40493581.

Untuk mendaftar, sila lawat laman web www.mastic.gov.my atau www.protemp.com.my.

(END)